



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## "AMANAH RAKYAT: KEWAJIPAN MELAKSANAKANNYA"

25 November 2022 / 30 Rabiul Akhir 1444

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>1</sup> الْفَاعِلِ:

﴿الَّذِينَ إِنْ مَكَنَّهُمْ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَتَوْا الزَّكَوَةَ وَأَمْرُوا بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَوْا عَنِ الْمُنْكَرِ وَلِلَّهِ عَلِيقَةُ الْأُمُورِ ﴾

Bermaksud: (Allah pasti akan menolong) iaitu mereka (umat Islam) yang jika Kami berikan kekuasaan memerintah di bumi nescaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat, dan mereka menyuruh berbuat kebaikan serta melarang dari melakukan kejahatan dan perkara yang mungkar. Dan (ingatlah) bagi Allah jualah kesudahan segala urusan.

(Surah al-Haj ayat 41)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>2</sup> وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ وَالثَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ  
فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>3</sup> أُوْصِينُكُمْ وَإِيَّاهُ يُنْتَقِيَ الْمُتَّقُونَ.

### Para tetamu Allah yang dimuliakan

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala suruhan dan meninggalkan semua larangan Nya; membersihkan jiwa dari segala dosa dan noda, serta sifat-sifat mazmumah yang menghitamkan hati dan merosakkan amal. Mudah-mudahan kita dihimpunkan di hadapan Allah SWT dengan membawa qalbun salim (hati yang sejahtera) dan bekalan amal yang diterima. Bersempena satu minggu pasca hari mengundi Pilihan Raya Umum ke-15, mimbar akan memperdengarkan khutbah bertajuk; "**AMANAH RAKYAT: KEWAJIPAN MELAKSANAKANNYA**"

<sup>1</sup> Memuji Allah<sup>2</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW<sup>3</sup> Pesan Taqwa



Segala pujian bagi Allah SWT atas limpah kurnianya Pilihan Raya Umum ke-15 telah sempurna urusannya pada 19 November yang lalu. Mimbar mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada mereka yang telah memainkan peranan dan menyempurnakan tanggungjawab mengundi. Direkodkan sebanyak lima belas perpuluhan lima juta (15.5juta) rakyat Malaysia yang keluar mengundi menyamai nisbah tujuh puluh tiga perpuluhan lapan peratus (73.8%) daripada jumlah keseluruhan pengundi bagi peringkat parlimen. Manakala satu perpuluhan tiga juta (1.3juta) rakyat negeri Perak dengan nisbah enam puluh enam perpuluhan tujuh (66.7%); turun mengundi bagi pemilihan Dewan Undangan Negeri pada hari berkenaan.

Tangan-tangan rakyat yang mengundi ini, pemilihan yang dizahirkan atas kertas-kertas undian, juga calon yang terpilih seterusnya akan dilantik menjadi di antara 222 orang Ahli Dewan Rakyat dan 59 orang Ahli Dewan Negeri Perak; kini menanggung beban rakyat di pundak bahu, membawa mandat dan amanah besar; tugas yang mencabar untuk disempurnakan dalam tempoh lima tahun. Islam amat menekankan soal kewajipan melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan. Firman Allah SWT:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ إِيمَنُوا لَا تَخْوِفُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ وَتَخْوِفُوا أَمْرَتِي كُمْ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴾  
⑭

Bermaksud: Wahai orang-orang beriman! Janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan Rasul, dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui (salahnya). (Surah al-Anfal ayat 27)

Dalam memenuhi amanah rakyat, menjadi satu kemestian untuk pemimpin mempunyai ciri-ciri seperti berani, jujur, mementingkan kepentingan rakyat melebihi kepentingan diri, berintegriti, merendah diri, cekap mengurus, berlapang dada, berlatar belakangkan pendidikan berkualiti, memahami realiti dunia semasa, mempunyai keupayaan profesional, iman yang kuat serta takwa yang mendalam terhadap Allah SWT. Lazimnya rakyat yang mengundi disulami harapan; harapan ingin melihat generasi kepimpinan yang mengutamakan agenda transformasi pentadbiran yang telus dan cekap; disusuli penerapan nilai moral dan etika dalam segenap aspek agar perkara-perkara yang mencemarkan imej negara dan merosakkan reputasinya dapat dihindarkan.



Ayat 41 surah al-Hajj yang khatib bacakan pada awal khutbah; menunjukkan bahawa kunci utama untuk pemimpin kekal berintegriti dan mengamalkan nilai moral yang baik ketika dikurniakan kuasa memerintah adalah dengan mendirikan solat, menunaikan zakat serta menyuruh berbuat kebaikan dan melarang berbuat kejahanatan. Empat elemen ini merupakan kombinasi lengkap ke arah pembentukan jati diri pemimpin berkaliber juga faktor yang mendorong kepada kesejahteraan sosial jika ia difahami dengan kemas dan dipraktikkan dalam kehidupan seorang pemimpin.

Solat mesti disempurnakan dengan khusyuk dengan penghayatan yang mendalam agar membuaikan iman yang mantap menjadi benteng kemungkaran. Zakat merupakan penyucian harta dan bukti tanggungjawab serta ihsan pada yang memerlukan. Menyuruh berbuat baik dan melarang kejahanatan menjadikan pentadbiran telus berteraskan keadilan dan bersih dari penyelewengan; juga ia titik tolak kepada lahirnya generasi yang hidup dalam keharmonian dan mencapai ketenteraman. Hakikatnya khatib, dan sidang jemaah sekalian semuanya merupakan pemimpin; mempunyai peranan dan tanggungan masing-masing atau setidak-tidaknya memimpin diri sendiri.

### **Sidang Jemaah yang dilimpahi keberkatan Ilahi,**

Kepimpinan yang diangkat melalui kuasa mandat rakyat, mimbar menyenaraikan beberapa peringatan berikut:

**Pertama:** Berusaha mengotakan janji serta tawaran-tawaran yang pernah dihidangkan semasa proses berkempen meraih undi. Penuhi dengan baik ciri-ciri pemimpin yang dinyatakan Allah SWT dalam surah al-Haj ayat 41 itu dan Insya Allah bantuan Allah SWT akan mengiringi ketika menjalankan amanah pentadbiran.

**Kedua:** Ketika diamanahkan tanggungjawab kepimpinan; sekurang-kurangnya ada dua perkara yang perlu diberikan perhatian. Pertama, soal kewajipan memenuhinya dengan penuh kesungguhan, jujur dan saksama kepada semua pihak serta disulami kesedaran bahawa ia nya akan disoal oleh Allah SWT di hari pembalasan. Kedua, menerapkan budaya intelektual serta kepimpinan yang tinggi sahsiah dan bermoral tinggi; seperti tidak melakukan pecah amanah, budaya rasuah, meningkatkan daya pengetahuan, berkemampuan berbahas secara berhemah sama ada dalam Dewan Rakyat, Dewan Negeri mahu pun bicara sesama pihak luar, apatah lagi di peringkat antarabangsa.



**Ketiga:** Memberi fokus pada keutamaan dan keperluan rakyat. Tidak kurang juga isu global yang memperlihatkan dunia mengalami perubahan, malapetaka dan bencana yang amat perlu difikirkan secara strategik dan kerahan idea bersama kalangan pemimpin dalam menangani krisis yang sedikit sebanyak memberi ancaman kepada kehidupan manusia seperti krisis kekurangan bekalan makanan, bencana banjir, jerebu, kemungkinan munculnya virus lain yang membayahtakan dan sebagainya.

**Keempat:** Mengembeleng tenaga memacu negara ke arah anjakan paradigma kemajuan sosial, teknologi, ekonomi dan sebagainya. Memikirkan plan strategik yang dapat mengembalikan keyakinan pelabur terhadap keupayaan ekonomi negara. Menyediakan perkhidmatan dan keperluan masyarakat seperti meningkatkan peluang pekerjaan, pendidikan berkualiti, perkhidmatan kesihatan yang ditambah baik, mengurangkan inflasi yang membebankan kos sara hidup dan sebagainya.

**Kelima:** Mengamalkan budaya kepimpinan yang matang, demokrasi yang sihat dan menyemai budaya etika dan nilai moral dalam urusan pentadbiran. Membentuk negara yang maju dan kehadapan; ketepikan perbalahan yang merugikan kepentingan awam dan sentiasa bersikap pro aktif dalam mengemudi pentadbiran. Rakyat mahukan kepimpinan yang berjiwa besar bukan berjiwa sempit, berwawasan tinggi bukan semata mendamba jawatan.

**Keenam:** Biduk lalu kiambang bertaut, keputusan Pilihan Raya Umum kali ini, ummah seharusnya kembali tautkan ukhuwah, kukuhkan persaudaraan dan bina persefahaman bersama ke arah Malaysia yang harmoni dan maju.

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ وَنَفْعِنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ  
وَتَقْبَلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ  
الْعَظِيمِ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّجِيمُ.



## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>4</sup> حَمْدًا يُوافِي نِعْمَهُ وَيُكَافِي مَزِيدَهُ . أَشْهَدُ أَن لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ . اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>5</sup> وَعَلَى الَّهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ . أَمَّا بَعْدُ ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>6</sup> وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ .

**Muslimin yang dirahmati Allah,**

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyak selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

*إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَتَأَبَّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوَاتُهُمْ وَسَلَامُهُمْ تَسْلِيمًا<sup>7</sup>*

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَحِيدٌ . اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ<sup>8</sup> ، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَالْأَفْلَفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمْ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ ، وَثِئْبِهِمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ<sup>صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ</sup> . اللَّهُمَّ اجْعَلْ وَلَا يَنْتَنَا فِيهِنَّ خَافَ وَاتَّقَاكَ وَاتَّبَعَ رِضَاكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ . اللَّهُمَّ لَا تُسْلِطْ عَلَيْنَا بِدُنُوبِنَا مَنْ لَا يَخَافُكَ فِينَا وَلَا يَرْحَمُنَا .

<sup>4</sup> Memuji Allah

<sup>5</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>6</sup> Pesan Taqwa

<sup>7</sup> Ayat Al-Quran

<sup>8</sup> Doa untuk Kaum Muslimin



**Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin** Ya Allah, disebabkan dosa-dosa kami janganlah engkau jadikan pemimpin kami dalam kalangan orang yang tidak takut kepada Mu dan tidak mempunyai belas kasihan kepada kami.

**Ya Sami'! Ya Basir!**, Kurniai hidayah serta bimbingan Mu terhadap pemimpin kami dalam memacu negara ke arah kehidupan masyarakat yang maju budaya fikir, budaya hidup, sahsiah dan moral yang baik dalam perpaduan sosial serta menempa nama di persada dunia sebagai negara contoh dalam segenap aspek.

**Ya Mannan! Ya Razzaq!**, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan tuntutan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fugara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

**Ya Dzal Jalaali wal Ikram!**, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

**Ya Maalikal Mulk!**, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

**Ya Malik! Ya Hadi!**, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

**رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ**

فِيَّا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَانِ وَنَهَىٰ عَنِ الْفَحْشَائِعِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَيْهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.